

3 Xin meminjam sebanyak £4000 daripada bank dengan kadar faedah 2% setahun atas baki.

Diberi tempoh pembayaran selama 3 tahun, Xin memilih untuk membayar secara ansuran RM1600 setiap 3 bulan.

Pertukaran mata wang berdasarkan GBP £1 = RM 5.

(a) Hitung faedah dibayar (dalam RM) bagi enam bulan pertama.

(b) Hitung baki pinjaman (dalam RM) pada akhir tahun kedua.

Pada akhir tahun ketiga bank merekod bahawa Xin masih mempunyai baki belum dibayar dan mengenakan caj lewat bayar sebanyak 2% sebulan atas baki.

(c) Kirakan caj lebihan (dalam RM) sekiranya Xin gagal membayar bakinya untuk tiga bulan berturut-turut.

4 Anda mempunyai RM 300 000 dan ingin melaburkannya untuk mendapat pulangan. Anda memperolehi nasihat daripada tiga teman anda: Arvan, Bryan dan Conan. Anda mencatat bagaimana mereka akan melabur wang anda dalam jadual di bawah:

Arvan	<p>Membeli rumah dengan kos RM 50 000 dan menerima sewa sebanyak RM 2000 sebulan.</p> <p>Membeli 800 saham dengan harga RM 200 seunit. Saham tersebut dijangka memberi dividen 8% setahun.</p> <p>Menyimpan wang selebihnya dalam akaun simpanan dengan kadar faedah 1% setahun.</p>
Bryan	<p>Membeli sebuah rumah dengan kos RM 100 000 dan menerima sewa sebanyak RM 3000 sebulan.</p> <p>Menggunakan wang selebihnya untuk membeli saham yang dijangka memberi dividen 2% setahun.</p>
Conan	<p>Menyimpan semua wang anda dalam bank dengan kadar faedah 4% setahun.</p>

Apakah rumus yang diaplikasikan untuk membantu anda membuat pilihan? Cadangan siapakah yang akan anda ikuti? Berikan justifikasi anda.